



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 2 Ogos 2025

Untuk Terbitan Media
2 Ogos 2025

SIARAN MEDIA

MENTERI KESUMA TAJA 200 PEKHIDMAT RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM UNTUK PERLINDUNGAN PERKESO

GEORGETOWN: Sejak tahun 2020, usaha memperkasakan kesedaran mengenai kepentingan skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam kalangan individu bekerja sendiri terus dipergiatkan, termasuk perlindungan kepada pekhidmat rumah ibadat bukan Islam.

Terbaharu, seramai 200 pekhidmat rumah ibadat bukan Islam merangkumi penganut agama Buddha, Kristian, Hindu, Tao dan Sikh di Pulau Pinang, seliaan Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) menerima perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) daripada PERKESO, hasil tajaan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

“Peniaga yang carumannya ditaja saya sebelum ini, ramai juga yang menyambung caruman dengan sendiri sekarang kerana faham kepentingannya, dan mereka faham ia bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk keluarga juga.

“Itulah niat saya melakukan tajaan sebegini, untuk menggalakkan lebih ramai Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) cakna dengan SKSPS dan mencarum. Ini bukan untuk saya tapi ini demi cinta kepada diri dan keluarga mereka,” kata Steven Sim.

Beliau berkata demikian kepada media ketika menghadiri Taklimat Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SPS) di Georgetown, hari ini yang turut dihadiri Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Lim Siew Khim.

Menerusi tajaan berkenaan, semua pekhidmat berkenaan dicarumkan mengikut Pelan 2 dengan bayarannya berjumlah RM232.80 setiap seorang, menjadikan jumlah kumulatif tajaan adalah sebanyak RM46,560.

“Dalam setiap perjumpaan bersama OBBS, inilah perkara yang saya kongsi dan saya tidak akan pernah berhenti, tidak akan mengeluh penat.

“Apabila semua OBBS di Malaysia mencarum dan saya tahu PERKESO akan sentiasa melindungi mereka, masa itu barulah saya boleh menarik nafas lega. Selagi belum, selagi itu saya ‘jalan teruih’,” ujar Steven Sim.

Setakat 30 Jun 2025, jumlah Orang Bekerja Sendiri (OBS) aktif di bawah semua kelas **rumah ibadat bukan Islam di seluruh Malaysia** adalah seramai **342 OBBS**, manakala di **negeri Pulau Pinang** pula seramai **32 OBBS**.

Dengan penyerahan terbaru ini, jumlah OBBS di Pulau Pinang akan meningkat kepada **232 OBBS**.

Untuk makluman, bagi tempoh **Januari hingga Jun 2025**, **PERKESO** telah membayar sejumlah **RM15 juta dalam bentuk faedah** kepada **4,517 pencarum yang layak di bawah SKSPS**.

Manakala bagi sepanjang tahun **2024**, jumlah bayaran faedah yang telah disalurkan kepada **6,725 pencarum yang layak** adalah sebanyak **RM30.9 juta**.

##TAMAT##

Lampiran

Statistik Pencarum Aktif SKSPS (Sehingga 30 Jun 2025)

Sasaran 2025: 1.04 juta orang bekerja sendiri (OBS)

Kategori / Lokasi	Jumlah OBS Aktif (Sehingga 30 Jun 2025)
Seluruh Malaysia (20 sektor)	803,425
Pulau Pinang (20 sektor)	26,176

Jumlah OBS Aktif bagi semua kelas rumah ibadat bukan Islam

Kategori / Lokasi	Bilangan (Januari sehingga 30 Jun 2025)
Rumah ibadat bukan Islam (Malaysia)	342
Rumah ibadat bukan Islam (Pulau Pinang)	32

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
2 Ogos 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi
Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud
+6019-3265772
ridauddin.daud@perkeso.gov.my